



**State Mufti's Office**  
*Prime Minister's Office*  
**Brunei Darussalam**

## **Menderma Darah: Badan Sihat, Pahala Dapat**

**(Bilangan Pertama)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

Manusia sangat memerlukan bantuan dan pertolongan apabila ditimpa kesusahan. Bantuan dan pertolongan yang diperlukan manusia itu ada berbagai bentuk. Ia tidak hanya setakat dalam bentuk material seperti wang ringgit, harta benda dan sebagainya, bahkan ia merangkumi perkara-perkara yang bukan berunsurkan material seperti sumbangan tenaga, buah fikiran dan sebagainya.

Manusia yang mengalami masalah kesihatan seperti kurang darah merah umpamanya, perlu kepada bantuan pemindahan darah daripada orang lain. Memberi bantuan atau derma dalam bentuk pemindahan darah sudah menjadi perkara biasa yang berlaku dalam dunia perubatan hari ini. Seruan untuk menderma darah sering disuarakan oleh pihak yang berkenaan untuk memastikan bekalan darah sentiasa ada dan mudah diperolehi bagi membantu orang-orang yang memerlukannya.

Oleh yang demikian, perlu dijelaskan apakah hukum pendermaan darah dan hukum-hukum yang berkaitan dengannya.

### **1. Hukum Menderma Darah**

Menderma darah merupakan suatu amalan yang mulia atas dasar tolong-menolong. Malahan perkara ini, secara umum bersesuaian dengan suruhan Allah Ta'ala untuk berbuat kebajikan kepada sesama Islam sebagaimana firmanNya:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

(٢ : )

Tafsirnya: “Dan hendaklah bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.”

(Surah al-Ma'idah: 2)

Di samping itu mengeluarkan darah dari tubuh badan itu hampir mempunyai persamaan dengan perbuatan berbekam. Telah sabit dalam hadits *shahih* daripada Ibnu ‘Abbas *Radhiallahu ‘anhuma* bahawa Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* telah berbekam lalu Baginda memberi upah kepada orang yang membekam Baginda. Sekiranya berbekam itu adalah haram, nescaya Baginda tidak memberi upah kepada tukang bekam tadi.

Oleh yang demikian, adalah harus bagi orang Islam mendermakan darahnya dengan tujuan untuk menyelamatkan nyawa atau menjadikannya ubat kepada orang yang benar-benar memerlukannya; sama ada kepada orang Islam dan yang bukan Islam yang tiada bermusuhan dengan orang-orang Islam. Dengan syarat menderma darah itu:

1. Tidak melemahkan atau membawa mudarat ke atas kesihatan orang yang menderma dan orang yang menerima darah.
2. Tidak ada ubat lain melainkan darah itu.

Sebahagian ulama menyandarkan hukum harus menderma darah itu kepada keumuman ayat al-Qur’an yang berkaitan dengan keperluan (darurat). Ini sepertimana juga keharusan berubat dengan benda-benda yang haram yang akan diterangkan kemudian.

## 2. Orang Islam Menerima Darah Orang Bukan Islam

Menerima darah sebagai ubat dari orang lain kerana hajat untuk menyelamatkan nyawa atau menyembuhkan penyakit hukumnya adalah harus, sekalipun darah dari orang bukan Islam, apabila tidak ada jalan lain untuk menyelamatkan nyawa seseorang.

Sebab atau alasan mengapa menerima darah dihukumkan harus, walaupun dari orang yang bukan beragama Islam, adalah atas asas darurat dan berhajat kepadanya. Tambahan lagi jika diperhatikan bahawa darah manusia itu mempunyai berbagai-bagai jenis dan memerlukan kesesuaian pada tubuh badan individu yang menerimanya supaya tidak mendatangkan mudarat. Selain daripada itu, perkara ini adalah kerana mengikut nasihat atau rekomendasi daripada doktor atau pakar perubatan mengenainya.

Walau bagaimanapun, terdapat pendapat yang mengatakan bahawa adalah disukai jika darah orang Islam digunakan kepada orang Islam dan lebih disukai bagi orang Islam menerima darah daripada orang Islam sendiri. Oleh kerana itu, maka sayugia orang Islam menderma darah supaya bekalan darah untuk orang Islam itu sendiri sentiasa ada untuk mereka yang memerlukannya.

## 3. Hukum Berubat Melalui Pemindahan Darah

Darah dikategorikan sebagai najis dan hukum berubat dengan benda najis pada asalnya adalah haram. Sungguhpun demikian, sebahagian ulama *Syafi'iyah* mengharuskan berubat dengan benda haram atau najis dengan syarat tidak didapati ubat yang lain daripadanya dan tidak berlebihan berubat dengannya daripada kadar darurat (yang diperlukan). Antara ayat-ayat al-Qur'an yang menunjukkan keharusan berubat dengan benda-benda yang haram atau najis disebabkan darurat itu ialah firman Allah Ta'ala:

وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُرُّتُمْ عَلَيْهِ

**Tafsirnya:** “Dan sesungguhnya Allah telah menerangkan kepada kamu satu persatu apa yang diharamkanNya atas kamu, kecuali yang terpaksa kamu memakannya.”

(Surah al-An‘am: 119)

Ayat al-Qur’an di atas menerangkan mengenai keringanan atau *rukhsah* menggunakan benda-benda yang diharamkan serta tidak berdosa jika berada dalam keadaan darurat, seperti untuk menyelamatkan nyawa ataupun mengubati kesakitan melalui pemindahan darah dari orang lain, ketika mana tidak ada ubat selainnya.

Dari ayat di atas dan ayat-ayat yang seumpamanya, para ulama fiqh menetapkan kaedah fiqh yang menyebut:

( )

**Maksudnya:** “Keadaan-keadaan darurat itu mengharuskan perkara-perkara yang dilarang.”

Walau bagaimanapun, penggunaan najis sebagai ubat itu masih juga terikat dengan syarat, iaitu tidak melampaui batas, sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta‘ala*:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِعَیْرِ اللَّهِ فَمَنْ اضْطُرَّ  
غَیْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿۱۷۳﴾

(173 : )

**Tafsirnya:** “Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan ke atas kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang yang disembelih dengan (menyebut nama) yang lain daripada (nama) Allah. Tetapi sesiapa yang terpaksa (memakannya) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas, maka tidaklah dia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.”

(Surah al-Baqarah: 173)

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* juga berpendapat bahawa harus berubat dengan najis selain arak. Ini berdasarkan daripada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas *Radhiallahu ‘anhu*:

:

:

( )

**Maksudnya:** “*Bahawa serombongan suku ‘Ukal seramai lapan orang datang menemui Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam, lalu mereka berikrar kepada Nabi untuk masuk Islam. Kemudian cuaca kota Madinah merimaskan mereka dan mengakibatkan tubuh badan mereka sakit-sakit, lalu mereka mengadukan hal itu kepada Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam. Baginda bersabda kepada mereka: “Barangkali elok kamu pergi bersama tukang gembala kami kepada untanya, kemudian kamu dapatkan air kencing dan susunya.”*

*Mereka menjawab: “Baiklah.” Mereka pun pergi dan meminum susu dan kencing unta itu, setelah itu mereka pun sihat. Tetapi kemudian mereka membunuh tukang gembala Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam itu dan merampas unta-untanya.”*

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Dalam hadits di atas menunjukkan keharusan berubat dengan air kencing unta, yang merupakan benda yang dihukumkan sebagai najis, kerana hajat atau keperluan.

*bersambung*